



DR. MAHATHIR MOHAMAD (depan, lima dari kanan) dan **Rina Mohd. Harun** (depan lima dari kiri) bergambar bersama warga kerja Kementerian Pembangunan Luar Bandar selepas melancarkan buku **DPLB** di Putrajaya semalam. - BERNAMA

Majukan pertanian guna konsep estet

Oleh **YULPISMAN ASLI** dan **JUANI MUNIR ABU BAKAR**

pengarang@utusan.com.my

■ **PUTRAJAYA 27 JUN**

KERAJAAN berhasrat melaksanakan konsep pertanian estet secara lebih meluas di seluruh negara dalam usaha meningkatkan pendapatan para petani dan penduduk luar bandar.

Menurut Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, konsep pertanian seumpama itu pernah dilaksanakan sebelum ini namun gagal mencapai matlamatnya.

Untuk itu, kata beliau, kerajaan akan mengenal pasti kawasan bagi dijadikan contoh kepada pelaksanaan konsep pertanian estet membabitkan tanaman padi, getah dan kelapa sawit.

Pada masa yang sama, katanya, konsep pertanian itu akan membabitkan pertanian bercampur seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan bunga-bungaan bagi memastikan petani atau peladang mempunyai pendapatan tetap sepanjang tahun.

"Kita akan laksanakan, mungkin pilih satu kawasan di-

jadikan contoh atau model kepada yang lain.

"Kita yakin kalau diurus sebagai sebuah ladang yang besar mereka akan dapat keuntungan yang cukup," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini hari ini.

Turut hadir, Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd. Harun.

Ditanya sama ada Felda sebagai contoh kepada konsep pertanian estet itu, Dr. Mahathir berkata, Felda boleh melaksanakannya dengan mencantumkan tanah-tanah peneroka yang diusahakan sebagai estet atau ladang besar di bawah satu pengurusan.

Walau bagaimanapun, menurut Perdana Menteri, kesilapan yang berlaku dalam Felda ialah peneroka hanya menguruskan tanah masing-masing menyebabkan pendapatan mereka rendah, berbanding menguruskannya sebagai estet yang mampu memberikan pulangan besar.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr. Mahathir berkata, penduduk luar bandar yang rata-rata masih bergantung kepada sektor pertanian sebagai sumber penda-

patan kerap dikaitkan dengan kemiskinan dan bergantung kepada bantuan kerajaan.

Sehubungan itu, kata beliau, mereka yang rata-rata mengusahakan pertanian dalam skala kecil secara konvensional perlu berubah kepada pertanian moden dengan mewujudkan estet-estet jika ingin mengubah kehidupan.

Pertanian cara estet, jelasnya, membolehkan penggunaan teknologi moden dan diuruskan oleh golongan profesional.

Selain itu, katanya, kewujudan pertanian moden akan turut mengubah kampung-kampung tradisional kepada bandar-bandar kecil yang mampu mewujudkan peluang pendapatan baharu kepada penduduk.

"Kalau tak ada perubahan saya khuatir walau dibantu, semua kemudahan disediakan tetapi petani masih perlukan subsidi kerajaan.

"Selagi kita kekal sistem yang ada sekarang, selagi itu mereka ada masalah.

"Tetapi kalau mereka sanggup cantum tanah menjadi estet, ada penggunaan teknologi moden, saya yakin pendapatan mereka akan meningkat," katanya.